Aktiviti Berbahas

Menengah 3 Ekspres
Kesusasteraan Melayu Elektif

Apa itu Bahas?

Perbincangan dua hala

Proses menilai baik buruk satu-satu perkara/topik

Seperti bergaduh, tetapi bukan dengan nada keras

Seperti berpidato, tetapi melibatkan lebih daripada satu individu

Siapa yang terlibat?

1. Pengerusi/ penjaga masa
2. Pencadang/penyanggah
3. Penilai (Juri)

Pengerusi

-'Orang tengah'

- memastikan perbahasan berjalan dengan teratur
- memastikan setiap pembahas menyampaikan tugas-masing-masing dengan betul

Penjaga Masa

Memastikan setiap pembahas berhujah dalam masa yang telah dihadkan.

PENCADANG & PENYANGGAH

Dua pihak yang mempunyai pendirian bercanggah tentang mauduk yang diberikan

Penyanggah

Pihak yang menentang mauduk

Pencadang

Pihak yang bersetuju dengan mauduk

PENCADANG

- Pencadang Pertama
- Pencadang Kedua
- Pencadang Ketiga
- Penggulung

PENYANGGAH

- Penyanggah Pertama
- Penyanggah Kedua
- Penyanggah Ketiga
- Penggulung

Pembahas Simpanan

PENILAI

Panel yang menentukan kualiti penyampaian para pembahas.

Penilai akan menentukan pasukan mana yang lebih menyerlah dan meyakinkan.

Teknik I.H.C.R.

Terdapat beberapa cara untuk menyusun huraian setelah pembahas berjaya mengupas mauduk. Salah satu cara atau teknik yang paling berkesan dan mudah digunakan ialah **teknik I.H.C.R.** Teknik ini menggabungkan 4 elemen penting yang perlu ada apabila pembahas ingin mengupas mana-mana satu isi.

Isi Utama - Fakta/pernyataan isi

- Memberi gambaran umum berkenaan isi yang bakal disampaikan.

Contoh pencadang: *Telefon bijak bukan untuk pelajar kerana ia berpotensi menjadi alat yang mengkhayalkan.*

Contoh penyanggah: *Telefon bijak perlu dimiliki pelajar kerana ia memudahkan komunikasi.*

Huraian - Bukti/penjelasan isi

- Penerangan lanjut bagi pernyataan yang dibuat dalam Isi Utama.

Contoh pencadang:

Telefon bijak yang berada di pasaran pada masa kini bukan sahaja memudahkan pemiliknya berhubung secara lisan. Banyak telefon bijak yang mengandungi aplikasi berbentuk hiburan yang membolehkan pemilik mendengar lagu, bermain permainan digital dan sebagainya. Aplikasi yang berbentuk hiburan ini boleh mengakibatkan pemiliknya menjadi khayal dan ketagih menggunakan aplikasi-aplikasi yang ada di dalamnya.

Contoh penyanggah:

Komunikasi pada alaf pasca moden ini tidak terhad pada bentuk lisan sahaja. Banyak lagi bentuk lain seperti berkomunikasi melalui kiriman e-mel, lelaman rangkaian sosial dan banyak lagi. Bentuk-bentuk komunikasi ini memerlukan rangkaian internet dan kita tidak perlu nafikan bahawa telefon bijak menyediakan kemudahan tersebut.

Contoh - Sampel atau bahan yang dipilih sebagai pengukuh hujah

Contoh pencadang:

Saya tidak perlu buktikan lebih-lebih. Kepada saudari dan saudara yang berada di sini, saya ajukan soalan. Kalau sudah seronok bermain 'Temple Run' atau menonton klip video Korea menggunakan telefon bijak anda, adakah anda akan berhenti untuk melanjutkan ulangkaji atau buat kerja rumah dengan mudah? Terutama sekali jika tiada kawalan orang dewasa? Tepuk dada tanya selera.

Contoh penyanggah:

Hadirin sekalian, cuba fikirkan. Jika diberi pilihan, menggunakan komputer berbanding dengan telefon bijak, yang mana satukah pilihan anda? Yang mana satukah lebih mudah diakses khususnya bagi anda yang sering keluar rumah seperti ke perpustakaan atau rumah saudara mara? Adakah anda akan membawa komputer riba ke mana sahaja anda pergi untuk membalas perbincangan akademik yang dijalankan dalam talian? Pastinya telefon bijak merupakan pilihan bijak pemiliknya!

Rumusan - Menyatakan pendirian dan menegaskan isi

Contoh pencadang: *Sehubungan itu hadirin sekalian, adakah anda masih yakin bahawa telefon bijak itu untuk pelajar? Benarkah anda tidak akan mudah terpengaruh dengan kemudahan-kemudahan yang ada di dalam telefon bijak? Jika jawapan anda tidak, maka jelaslah bahawa telefon bijak bukan untuk anda, pelajar.*

Contoh penyanggah:

Maka itu hadirin sekalian, pelajar perlu dan layak memilik telefon bijak kerana ia dapat mempermudahkan sebarang urusan mereka khususnya apabila berada di luar sekolah atau di luar rumah. Pastinya, kita tidak boleh menyangkal bahawa para pelajar juga sudah mula didedahkan kepada penggunaan teknologi dalam pendidikan. Maka, kemudahan ini tidak selayaknya dihadkan di luar lingkaran persekolahan.

Bidasan & Celahan

- **Apa itu bidasan**
  Idea yang bertentangan dengan pendirian atau gagasan pihak lawan yang disampaikan ketika sedang berhujah.

- **Siapa boleh membidas**
  Mana-mana pembahas yang sedang berbahas. Cabar tentang pendirian atau gagasan pihak lawan yang telah berhujah sahaja.

- **Bagaimana dan bila masa untuk membidas**
  Apabila pembahas sedang berhujah. Sertakan idea atau pendirian pasukan yang bercanggahan dengan pihak lawan.

- **Apa itu celahan?**

  Idea yang bertentangan dengan pendirian atau gagasan pihak lawan yang disampaikan ketika pihak lawan sedang berhujah.

- **Siapa yang boleh mencelah?**

  Mana-mana pembahas yang telah atau belum selesai menyampaikan hujah masing-masing.

- **Bila masa yang sesuai untuk mencelah?**

  Ketika pihak lawan telah selesai menyampaikan ayat atau sedang berhenti sebentar untuk bernafas. Sebelum loceng peringatan dibunyikan.

- **Bagaimana untuk mencelah?**

  Sebutkan **Maaf, Saudari/Saudara** sambil mengangkat tangan.

Saksikan Klip Video Berikut.

http://www.youtube.com/watch?v=Qqk55TBNR7A&feature=related